

Pengetahuan Bakal Guru BPBM Terhadap Teknik Pengajaran Karangan Jenis Berformat Menengah Atas

Siti Zeharah Abd Rahman, Rozita Radhiah Said* & Marzni Mohamed Mokhtar

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah antara lain bergantung kepada teknik pengajaran yang diaplikasi oleh guru. Teknik pengajaran yang diaplikasi perlu menitikberatkan tahap kebolehan dan kecerdasan murid-murid bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan bakal guru BPBM terhadap teknik pengajaran karangan berformat menengah atas. Pemilihan ‘persampelan bertujuan’ kajian terdiri daripada 79 orang pelajar BPBM semester tujuh dan semester lima di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Data kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package For the Social Science* (SPSS) versi 25 dan penentuan tahap min Pallant. Dapatkan menunjukkan pengetahuan bakal guru BPBM terhadap teknik bercerita dan teknik sumbang saran adalah paling tinggi, iaitu dengan 100% peserta menjawab ‘YA’. Bagi padanan teknik dialog dikenal pasti sebagai teknik yang paling sesuai pengaplikasiannya dengan teknik pengajaran karangan berformat wawancara berdasarkan DSKP Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima didapati purata min keseluruhan sebanyak 4.37 diikuti dengan teknik *think-pair-share* (min= 4.30) dan teknik sumbang saran (min=4.30). Dapatkan tentang keselarian pengaplikasian teknik pengajaran dengan kaedah pentaksiran oleh bakal guru BPBM bagi pengajaran karangan jenis berformat menunjukkan kaedah pemerhatian mempunyai min tertinggi iaitu 4.44 diikuti dengan kaedah ujian bertulis (min=4.34) dan ketiga tinggi ialah kaedah bersoal jawab (min=4.27). Kesimpulannya, tahap pengetahuan bakal guru BPBM terhadap teknik pengajaran karangan berformat menengah atas adalah tinggi berdasarkan kepada tahap min keseluruhan masing-masing. Justeru, teknik pengajaran yang dipilih perlu sesuai dengan isi pelajaran dan para guru harus kreatif dalam mengaplikasikan teknik pengajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kata Kunci: Tahap Pengetahuan, Bakal Guru BPBM, Teknik Pengajaran, Karangan Berformat Menengah Atas

ABSTRACT

The effectiveness of teaching and learning sessions in the classroom depends on the teaching techniques applied by teachers. The teaching techniques applied should emphasize the level of ability and intelligence of students to ensure that the objectives of teaching and learning are achieved. The purpose of this study is to identify the level of knowledge of prospective teachers of BPBM on the techniques of teaching essays in upper secondary format. The study sample consisted of 79 BPBM students in semester seven and semester five at the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia. Study data were analyzed using Statistical Package For the Social Science (SPSS) version 25 and determination of Pallant mean level. Findings show that the knowledge of prospective BPBM teachers on storytelling techniques and brainstorming techniques is the highest with 100% of participants answering YES. While the matching of dialogue technique was identified as the most suitable technique for its application with the interview format essay teaching technique based on DSKP Form Four and Form Five with an overall mean of 4.37 followed by think-pair-share technique (mean = 4.30) and brainstorming technique (mean = 4.30). Findings on the parallelism of the application of teaching techniques with assessment methods by prospective teachers BPBM for teaching formatted essays show that the observation method has the highest mean of 4.44 followed by written test method (mean = 4.34) and the third highest is question and answer method (mean = 4.27). In conclusion, the level of knowledge of BPBM prospective teachers on upper secondary format essay teaching techniques is high based on the overall mean level of each. Thus, the selected teaching techniques should be appropriate to the content of the lesson and teachers should be creative in applying teaching techniques during the teaching and learning sessions.

Keywords: Knowledge Level, Prospective BPBM Teachers, Teaching Techniques, Upper Secondary Format Essays

* Corresponding author: radhiahrozita@upm.edu.my
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

PENGENALAN

Corak pendidikan pada alaf ini jelas menunjukkan perubahan yang sangat pantas kerana sesi pengajaran dan pembelajaran yang bersifat konvensional atau tradisional telah ditransformasikan menjadi koperatif dan kolaboratif. Perubahan ini berlaku bagi memastikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat dicapai dengan jayanya, iaitu berhasrat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Keberkesanan sesuatu pengajaran di sekolah berhubung kait dengan pengaplikasian teknik yang digunakan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Pengaplikasian teknik yang digunakan oleh guru sama ada berkesan atau sebaliknya dalam pengajaran karangan berformat di peringkat sekolah menengah atas akan menjadi penanda aras bagi menentukan objektif pembelajaran dapat dicapai atau sebaliknya (Chung, Leng & Peng, 2017). Pengaplikasian teknik ini juga bergantung kepada pengetahuan dan kesediaaan para bakal guru bagi program Bachelor Pendidikan Bahasa Melayu (BPBM) di Universiti Putra Malaysia.

PERNYATAAN MASALAH

Keberhasilan seseorang murid dalam subjek penulisan Bahasa Melayu sama ada memuaskan atau tidak memuaskan, bergantung kepada proses PdP yang berlaku di dalam sesebuah kelas. Selalunya, PdP penulisan Bahasa Melayu dikatakan statik dan tidak menyeronokkan (Zamri, 2012). Perkara ini disokong oleh Nor Azwa (2016), yang mengatakan bahawa PdP yang kurang menarik merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penulisan karangan. Kurangnya kreativiti dan inovasi guru yang berterusan semasa proses PdP di dalam bilik darjah menyebabkan murid cepat berasa bosan dan menganggap penulisan karangan Bahasa Melayu mencabar minda dan susah untuk dikuasai (Abdul Rasid, Nurul Nadiah & Shamsudin, 2016).

Guru menghadapi kesukaran untuk mengajar kerana pelajar terlalu bergantung kepada guru untuk mengeluarkan idea. Keadaan ini didorong oleh teknik atau kaedah yang digunakan oleh guru semasa mengajar, iaitu terdapat segelintir guru yang mengawal dari segi isi yang dikeluarkan oleh pelajar (Salina, 2014). Hal ini bermakna, guru telah menetapkan isi untuk sesuatu tajuk tersebut dan meminta pelajar menghuraikan isi yang telah diberikan dengan lebih terperinci. Situasi ini juga telah menghalang pelajar untuk mencari isi melalui pelbagai sumber lain, malahan pelajar juga akan terlalu bergantung kepada guru sehingga perkara ini menyebabkan pelajar malas untuk berfikir bagi isi karangan serta tiada percambahan idea yang bernes sehingga menyukarkan mereka memulakan sesuatu penulisan karangan dengan baik. Yahya & Dk. Suzanawaty (2014) berpendapat bahawa antara punca yang menyebabkan murid-murid kurang menguasai kemahiran menulis adalah disebabkan kekurangan kepelbagai pendekatan, kaedah dan teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru.

Pengaplikasian teknik pengajaran karangan berformat menengah atas dalam kalangan guru Bahasa Melayu masih dilihat kurang efektif disebabkan beberapa faktor tertentu seperti pengetahuan yang masih rendah, guru kurang bersedia, tiada pendedahan yang khusus dan sebagainya. Kenyataan ini turut disokong oleh Tan (2007), iaitu sekolah di Malaysia masih berada ditakuk lama kerana tahap penguasaan guru terhadap pembelajaran koperatif dan tahap keyakinan guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran masih rendah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan bakal guru BPBM terhadap teknik pengajaran yang sesuai dan kreatif untuk meningkatkan penulisan karangan berformat dalam kalangan pelajar sekolah menengah atas, iaitu Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Meninjau pengetahuan bakal guru BPBM terhadap teknik pengajaran karangan.
2. Memadankan kesesuaian pengaplikasian teknik dengan pengajaran karangan jenis berformat menengah atas berdasarkan standard pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima daripada perspektif bakal guru.
3. Melihat keselarian pengaplikasian teknik pengajaran dengan kaedah pentaksiran oleh bakal guru BPBM bagi pengajaran karangan berformat menengah atas.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Azahari, Nazli dan Nawi (2015), karangan berformat bermaksud karangan yang mempunyai peraturan atau format yang perlu dipatuhi oleh penulis ketika menghasilkan sesuatu penulisan. Kegagalan mematuhi format tersebut akan menyebabkan markah penulisan ditolak. Para guru di Malaysia, khususnya guru Bahasa Melayu perlu bijak dalam menentukan dan mengaplikasikan teknik pengajaran yang efektif semasa sesi PdP

yang mampu merangsang pemikiran pelajar sekali gus mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut. Pelbagai teknik pengajaran karangan berformat yang efektif dan efisien yang boleh diaplakasikan oleh para guru Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

Teknik-Teknik Pengajaran

Antara teknik pengajaran yang digunakan dalam pengajaran karangan jenis berformat ialah teknik *Jigsaw* II. Teknik *Jigsaw* II merupakan suatu teknik yang diimprovisasikan dari teknik *Jigsaw* I agar menjadi lebih efektif dan efisien. Teknik ini juga merupakan antara teknik khusus di bawah kaedah koperatif yang boleh diaplakasikan semasa sesi PdP. Menurut Yusfaiza dan Mohd Ishah (2012), kaedah kuasi eksperimen perlu melibatkan 60 responden, iaitu 30 orang dalam kumpulan kawalan dan 30 orang kumpulan eksperimen. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan terhadap penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid. Tambahan pula, teknik *Jigsaw* II ini juga berjaya meningkatkan kemahiran kognitif dan interpersonal dalam kalangan murid yang terlibat.

Selain itu, teknik didik hibur juga digunakan dan teknik ini mampu meningkatkan kefahaman murid kerana wujudnya suasana yang menyeronokkan di dalam kelas seperti mana yang dinyatakan oleh Abdul Rasid, Nurul Nadiah dan Shamsudin (2016) dalam kajiannya yang bertajuk “Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu”. Kajian ini melibatkan 80 responden yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu di sekolah sekitar Putrajaya. Kebanyakan guru telah menggunakan elemen lakonan semasa di dalam bilik darjah untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai subjek yang diajarkan pada hari tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa teknik didik hibur mampu meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu.

Menurut Naapie Mat (2006), teknik sumbang saran ialah teknik mengajar berbentuk perbincangan kreatif bagi mendapatkan idea-idea dari setiap kumpulan. Teknik sumbang saran dijalankan dalam kumpulan yang telah dibentuk. Terdapat sebuah kajian yang telah dijalankan oleh Indah Eyah (2012) yang bertajuk “Menilai Keberkesanan Teknik Sumbang Saran terhadap Pencapaian Kemahiran Menulis Karangan Murid Tingkatan Empat”. Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah menengah kebangsaan di Ampang, Selangor. Kajian ini melibatkan 60 murid Tingkatan Empat sebagai sampel kajian yang terdiri daripada 30 murid kumpulan eksperimen dan 30 murid kumpulan kawalan yang mempunyai tahap keupayaan yang sama dalam pencapaian akademik Bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik sumbang saran ini mampu meningkatkan skor pencapaian kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu serta meningkatkan penguasaan dalam aspek idea dan olahan bagi pelajar berpencapaian rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Teknik ‘berfikir-berpasangan-berkongsi’ (*pair-think-share*) merupakan antara teknik yang sesuai diperaktikkan dalam PAK21. Terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Norliza (2010), di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Maharani, Muar, Johor yang melibatkan 30 orang responden yang terdiri daripada murid Tingkatan Empat. Dapatan kajian menunjukkan ujian-t yang dijalankan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pascapenulisan karangan berpandu Bahasa Melayu menggunakan strategi pembelajaran koperatif teknik berfikir-berpasangan-berkongsi. Murid memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam ujian pasca berbanding pencapaian dalam ujian pra.

Teknik bercerita merupakan antara teknik yang mengandungi elemen keseronokan yang boleh diperaktikkan oleh para guru semasa PdP berlangsung. Teknik bercerita ini melibatkan dua hala, iaitu guru dengan murid dan murid dengan murid. Teknik bercerita ini dapat meningkatkan prestasi murid dalam subjek Bahasa Melayu. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian yang dijalankan oleh Zuraini dan Abdul Rasid (2014), iaitu “Kesan Bercerita terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu” yang menunjukkan peningkatan pencapaian semasa praujian dan selepas pascaujian, iaitu daripada markah 14.74 kepada 23.15.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini melibatkan 79 responden yang terdiri daripada pelajar Bachelor Pendidikan Bahasa Melayu (BPBM) di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Mereka dipilih secara persampelan bertujuan, iaitu 39 orang pelajar daripada kohort Lentera dan 40 orang daripada kohort Adinata.

Prosedur Pengumpulan Data

Instrumen soal selidik yang dibina mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden, bahagian B pula menggunakan soalan tertutup, iaitu YA/TIDAK manakala bahagian C dan D menggunakan skala 5 likert. Data yang diperoleh telah ditranskripsikan dan dianalisis dengan menggunakan kaedah *Statiscal Package for the Social Science* (SPSS)

versi 25. Di samping itu, kajian ini menggunakan analisis deskriptif yang menerangkan kekerapan, peratusan, min skor dan sisihan piawai bagi mewakili setiap soalan yang dikemukakan dalam set soal selidik.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Mok (2010), menjelaskan bahawa hasil dapatan penyelidikan perlu mempunyai ciri kesahan, iaitu hasil dapatan perlu tepat dan benar. Bagi mendapatkan kesahan berkaitan instrumen yang digunakan dalam kajian ini, satu set soalan soal selidik yang dihasilkan telah dikemukakan kepada seorang panel penyemak. Panel penyemak merupakan pensyarah BPBM yang berpengalaman luas di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Selangor. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan terhadap instrumen yang dibina bagi kajian ini, satu kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji. Kajian rintis ini melibatkan sepuluh orang pelajar. Pelajar yang dipilih adalah terdiri daripada lima orang pelajar dari semester tujuh dan lima orang dari semester lima. Kebolehpercayaan instrumen sangat penting dalam sesuatu kajian bagi memastikan instrumen kajian tersebut sesuai digunakan atau sebaliknya. Menurut Mohamad Najib (1999), soal selidik yang mempunyai indeks kebolehpercayaan bersamaan atau melebihi 0.6 boleh digunakan sebagai item pengukuran dalam sesuatu kajian. Item-item yang mempunyai kurang daripada 0.6 adalah kurang sesuai dan perlu diubah suai oleh pengkaji. Kebolehpercayaan instrumen ini dijalankan adalah berdasarkan Alpha Cronbach dalam perisian *Statiscal Package for the Social Science* (SPSS) versi 25. Hasil keseluruhan kajian rintis yang telah dijalankan menunjukkan nilai kebolehpercayaan berdasarkan nilai Alpha Cronbach ialah .922. Keadaan ini menunjukkan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan adalah tinggi dan sesuai untuk digunakan. Jadual 1 menunjukkan nilai pekali Alpha Cronbach.

JADUAL 1
Nilai Pekali Alpha Cronbach

JULAT	TAHAP	TINDAKAN
0.0 – 0.2	Sangat lemah	Ubah semua item
0.2 – 0.8	Sederhana	Ubah sebilangan item
0.8 – 0.10	Tinggi	Item boleh diterima

Sumber: Mohamad Najib (1999)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar BPBM terdapat empat bahagian yang dikemukakan, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Pada bahagian B dalam instrumen ini menunjukkan bahawa bakal guru BPBM mengetahui teknik pengajaran dengan baik. Perkara ini berdasarkan kekerapan jawapan YA lebih tinggi berbanding TIDAK bagi setiap pernyataan item mengenai teknik-teknik pengajaran. Pada bahagian C menunjukkan bahawa kesesuaian pengaplikasian teknik pengajaran karangan menengah atas berdasarkan standard pembelajaran DSKP Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima berada pada tahap yang tinggi, iaitu dengan min 3.94. Pada bahagian D menunjukkan bahawa keselarian pengaplikasian teknik pengajaran dengan kaedah pentaksiran oleh bakal guru BPBM bagi pengajaran karangan berformat menengah atas berada pada tahap yang tinggi, iaitu dengan min 4.16. Berikut ialah Jadual 2, Penentuan Tahap Min yang digunakan dalam kajian ini.

JADUAL 2
Penentuan Tahap Min

SKOR MIN	TAHAP
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2010)

Dapatan Objektif 1

1. Meninjau pengetahuan bakal guru BPBM terhadap teknik pengajaran karangan.

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden yang telah menjawab soal selidik pada bahagian B. Pada bahagian B ini terdapat 10 item soalan berkaitan dengan pengetahuan teknik pengajaran yang menyediakan 2 jenis jawapan, iaitu YA dan TIDAK. Kekerapan responden menjawab YA lebih tinggi berbanding TIDAK bagi setiap pernyataan item ini.

JADUAL 3
Pengetahuan Guru terhadap Teknik Pengajaran

Bil.	Pernyataan Item n=79	Kekerapan (f)	
		YA (%)	TIDAK (%)
1.	Adakah anda mengetahui teknik <i>jigsaw</i> II?	45 (57.0)	34 (43.0)
2.	Adakah anda mampu menakrifkan teknik didik hibur dengan terperinci?	75 (94.9)	4 (5.1)
3.	Adakah anda boleh menerangkan teknik sumbang saran?	79 (100.0)	0 (0.0)
4.	Adakah anda boleh menunjukkan teknik <i>think-pair-share</i> ini dengan jelas?	76 (96.2)	3 (3.8)
5.	Adakah anda mampu mengenal pasti teknik kunjungan galeri?	78 (98.7)	1 (1.3)
6.	Adakah anda mampu mentafsirkan teknik kolaboratif dengan jelas?	71 (89.9)	8 (10.1)
7.	Adakah anda mampu memerihalkan teknik koperatif dengan jelas?	66 (83.5)	13 (16.5)
8.	Adakah anda dapat menjelaskan teknik boneka?	58 (73.4)	21 (26.6)
9.	Adakah anda mengetahui teknik bercerita?	79 (100.0)	0 (0.0)
10.	Adakah anda mampu menghuraikan teknik lakonan dengan jelas?	78 (98.7)	1 (1.3)

Dapatkan Objektif 2

2. Memadankan kesesuaian pengaplikasian teknik dengan pengajaran karangan jenis berformat menengah atas berdasarkan standard pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

Hasil daripada analisis ini menunjukkan bahawa pengetahuan bakal guru BPBM mengenai kesesuaian pengaplikasian teknik pengajaran dengan jenis berada pada nilai min keseluruhan item iaitu 3.94, iaitu tinggi seperti paparan dalam Jadual 4.

JADUAL 4

Pemadanan Kesesuaian Pengaplikasian Teknik dengan Pengajaran Karangan Jenis Berformat Menengah Atas Berdasarkan Standard Pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima

Bil.	Pernyataan n=79	Kekerapan (f)					Min	Tahap Min	Standard Piawai
		STS (%)	TS (%)	SD (%)	S (%)	SS (%)			
1.	Teknik kolaboratif sesuai diaplikasikan untuk pengajaran karangan perbahasan.	0 (0.0)	0 (0.0)	11 (13.9)	35 (44.3)	33 (41.8)	4.28	Tinggi	.697
2.	Teknik koperatif sesuai digunakan bagi pengajaran karangan surat kiriman rasmi untuk menghasilkan karangan menggunakan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.	0 (0.0)	0 (0.0)	19 (24.1)	37 (46.8)	23 (29.1)	4.05	Tinggi	.732
3.	Teknik <i>jigsaw</i> II dilaksanakan bagi pengajaran karangan laporan untuk menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.	0 (0.0)	0 (0.0)	23 (29.1)	37 (46.8)	19 (24.1)	3.95	Tinggi	.732

4.	Teknik lakonan sesuai dipraktikkan bagi pengajaran karangan syarahan.	12 (15. 2)	10 (12.7)	10 (12.7)	24 (30.4)	23 (29.1)	3.46	Sederhana	1.421
5.	Teknik kunjungan galeri diaplikasikan bagi pengajaran karangan wawancara untuk menulis perenggan isi dengan huraiyan yang jelas dan kritis menggunakan bahasa yang gramatis.	1 (1.3)	2 (2.5)	9 (11.4)	35 (44.3)	32 (40.5)	4.20	Tinggi	.838
6.	Teknik berfikir-berpasangan-berkongsi dilaksanakan bagi pengajaran karangan rencana untuk menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan mengikut situasi dan keperluan.	0 (0.0)	2 (2.5)	5 (6.3)	36 (45.6)	36 (45.6)	4.34	Tinggi	.714
7.	Teknik mestamu sesuai untuk pengajaran karangan berita.	13 (16. 5)	10 (12.7)	10 (12.7)	26 (32.9)	20 (25.3)	3.38	Sederhana	1.417
8.	Teknik sumbang saran dijalankan bagi pengajaran karangan perbahasan untuk menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.	0 (0.0)	3 (3.8)	6 (7.6)	34 (43.0)	36 (45.6)	4.30	Tinggi	.774
9.	Pengajaran karangan syarahan sangat sesuai mengaplikasikan teknik pentomin.	16 (20. 3)	12 (15.2)	16 (20.3)	22 (27.8)	13 (16.5)	3.05	Sederhana	1.386
10.	Teknik dialog sesuai diaplikasikan bagi pengajaran karangan wawancara untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis.	1 (1.3)	1 (1.3)	7 (8.9)	29 (36.7)	41 (51.9)	4.37	Tinggi	.803
Purata min keseluruhan					3.94	Tinggi			

Dapatan Objektif 3

- Melihat keselarian pengaplikasian teknik pengajaran dengan kaedah pentaksiran oleh bakal guru BPBM bagi pengajaran karangan berformat menengah atas.

Hasil analisis yang terdapat pada Jadual 5 menunjukkan kaedah pentaksiran bagi teknik pengajaran karangan menengah atas yang diaplikasikan oleh bakal guru BPBM adalah tinggi. Purata min keseluruhan bagi persoalan ini ialah 4.16.

JADUAL 5

Keselarian Pengaplikasian Teknik Pengajaran dengan Kaedah Pentaksiran oleh Bakal Guru BPBM bagi Pengajaran Karangan Berformat

Bil.	Pernyataan	Kekerapan (f) n=79					Min	Tahap Min	Standard Piawai
		STT (%)	TT (%)	SD (%)	T (%)	ST (%)			
1.	Menilai kefahaman konsep pelajar melalui aktiviti soal jawab, iaitu memberikan respons yang jelas dan tepat.	1 (1.3)	1 (1.3)	3 (3.8)	45 (57.0)	29 (36.7)	4.27	Tinggi	.711
2.	Menyediakan borang maklum balas untuk pelajar bagi penambahbaikan pengajaran karangan berformat menengah atas.	1 (1.3)	4 (5.1)	7 (8.9)	43 (54.4)	24 (30.4)	4.08	Tinggi	.844
3.	Menggunakan rubrik untuk mentaksir hasil kerja pelajar ketika melaksanakan teknik kunjungan galeri.	1 (1.3)	1 (1.3)	11 (13.9)	39 (49.4)	27 (34.2)	4.14	Tinggi	.796
4.	Menekankan kewajaran dalam mengolah senarai semak untuk menilai kecekapan pelajar ketika melakukan teknik didik hibur.	1 (1.3)	3 (3.8)	12 (15.2)	39 (49.4)	24 (30.4)	4.04	Tinggi	.854
5.	Menggunakan skala kadar untuk menilai tahap penguasaan pelajar dalam penulisan karangan berformat menengah atas.	1 (1.3)	2 (2.5)	11 (13.9)	43 (54.4)	22 (27.8)	4.05	Tinggi	.799
6.	Merekodkan sebutan berbahasa dengan betul oleh pelajar melalui senarai semak.	1 (1.3)	0 (0.0)	13 (16.5)	30 (38.0)	35 (44.3)	4.24	Tinggi	.820
7.	Menggunakan anekdot untuk merekodkan tahap penguasaan pelajar dalam penulisan karangan berformat menengah atas.	2 (2.5)	5 (6.3)	28 (35.4)	28 (35.4)	16 (20.3)	3.65	Sederhana	.961

8.	Menafsir sikap semangat berpasukan dalam diri pelajar semasa aktiviti perbincangan berlangsung.	1 (1.3)	0 (0.0)	8 (10.1)	35 (44.3)	35 (44.3)	4.30	Tinggi	.757
9.	Melakukan pemerhatian dan mengambil gambar sepanjang aktiviti pembelajaran berlangsung.	1 (1.3)	1 (1.3)	7 (8.9)	23 (29.1)	47 (59.5)	4.44	Tinggi	.813
10.	Menyediakan kertas soalan ujian bertulis mengikut standard pembelajaran bagi penulisan karangan berformat menengah atas.	1 (1.3)	0 (0.0)	7 (8.9)	31 (39.2)	40 (50.6)	4.38	Tinggi	.756

Purata min keseluruhan **4.16** **Tinggi**

PERBINCANGAN

Perbincangan tentang dapatan kajian adalah berdasarkan soalan-soalan kajian. Dapatan kajian yang dibincangkan akan menjawab persoalan-persoalan kajian, iaitu: (i) apakah teknik pengajaran yang diketahui oleh bakal guru BPBM?; (ii) adakah teknik pengajaran karangan berformat menengah atas yang dipilih oleh bakal guru BPBM sesuai diaplikasikan berdasarkan DSKP Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima bagi kemahiran menulis?; dan (iii) adakah teknik pengajaran yang diaplikasikan selari dengan kaedah pentaksiran oleh bakal guru BPBM bagi pengajaran karangan berformat menengah atas. Secara umumnya, hasil kajian dalam Bahagian B menunjukkan bahawa responden yang dipilih mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap teknik pengajaran. Hal ini dibuktikan dengan kekerapan responden menjawab YA lebih tinggi berbanding TIDAK bagi setiap pernyataan item 1 sehingga item 10. Dalam pernyataan item pada bahagian B ini, terdapat dua pernyataan item yang menunjukkan 100% bagi jawapan YA, iaitu pernyataan item 3 dan item 9. Ini menunjukkan semua responden mempunyai pengetahuan tentang teknik sumbang saran dan teknik bercerita bagi pengajaran karangan berformat menengah atas. Hal ini demikian kerana teknik sumbang saran dan teknik bercerita dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam subjek Bahasa Melayu.

Dapatan kajian ini ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zuraini & Abdul Rasid (2014) yang menunjukkan peningkatan pencapaian semasa praujian dan selepas pascaujian, iaitu daripada markah 14.74 kepada 23.15 setelah mengaplikasikan teknik bercerita dalam pengajaran karangan naratif Bahasa Melayu. Justeru, teknik bercerita juga sesuai diaplikasikan dalam pengajaran karangan berformat menengah atas mengikut kreativiti guru. Dapatan kajian ini juga disokong dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Indah Eyah (2012), iaitu menilai keberkesanan teknik sumbang saran terhadap pencapaian kemahiran menulis karangan murid Tingkatan Empat. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik sumbang saran ini mampu meningkatkan skor pencapaian kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu serta meningkatkan penguasaan dalam aspek idea dan olahan bagi pelajar berpencapaian rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh sebab itu, teknik sumbang saran ini sesuai diaplikasikan oleh bakal guru BPBM dalam pengajaran karangan berformat menengah atas.

Melihat pula kepada kesesuaian pengaplikasian teknik pengajaran karangan berformat menengah atas berdasarkan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Kajian ini menunjukkan purata min keseluruhan pada bahagian C ini adalah tinggi, iaitu 3.94. Pada bahagian ini, item 10, iaitu teknik dialog sesuai diaplikasikan bagi pengajaran karangan wawancara untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat gramatis, merupakan item yang tertinggi, iaitu dengan jumlah min 4.37, iaitu berada pada tahap min sangat tinggi. Pernyataan item 4, iaitu teknik lakonan sesuai diperlakukan bagi pengajaran karangan syarahan menunjukkan min sebanyak 3.46, manakala pernyataan item 7, iaitu teknik mestamu sesuai untuk pengajaran karangan berita menunjukkan min 3.38 dan pernyataan 9, iaitu pengajaran karangan syarahan sangat sesuai mengaplikasikan teknik pentomin menunjukkan min sebanyak 3.05. Ketiga-tiga pernyataan item ini berada pada tahap min yang sederhana. Perkara ini menunjukkan bahawa bakal guru BPBM mengetahui tentang kesesuaian

teknik yang digunakan untuk pengajaran karangan berformat menengah atas yang akan mereka ajarkan. Sekiranya bakal guru BPBM tidak mempunyai pengetahuan yang cukup terhadap kesesuaian teknik pengajaran karangan berformat menengah atas sudah pasti nilai min bagi setiap pernyataan tersebut berada pada tahap sangat tinggi. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Rasid, Shamsudin & Sufiza (2013) mengenai interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatkan ini menunjukkan bahawa teknik pentomin mempunyai min terendah iaitu 1.86 (SP = 0.82).

Aspek penilaian terhadap teknik pengajaran yang digunakan oleh bakal guru BPBM bagi pengajaran karangan berformat menengah atas adalah bertujuan untuk menilai teknik pengajaran yang digunakan oleh bakal guru BPBM bagi pengajaran karangan berformat menengah atas berdasarkan kaedah pentaksiran yang telah dibangunkan. Hasil dapatkan kajian ini menunjukkan purata min keseluruhan 4.16, iaitu berada pada tahap min yang tinggi. Dalam bahagian ini, pernyataan item 7, iaitu menggunakan anekdot untuk merekodkan tahap penguasaan pelajar dalam penulisan karangan berformat menengah atas menunjukkan skor min yang paling rendah, iaitu 3.65 yang berada pada tahap min sederhana. Dapatkan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Norshafinaz & Faridah (2018) mengenai amalan perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran pembelajaran pranumerasi di tadika swasta. Berdasarkan dapatkan kajian, menunjukkan pernyataan item 33, iaitu merekod setiap maklumat yang diperoleh semasa membuat pentaksiran menunjukkan kekerapan jawapan YA lebih tinggi berbanding TIDAK, iaitu sebanyak 68 orang bersamaan dengan 93.2%.

RUMUSAN

Kesimpulannya, setiap bakal guru haruslah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai teknik pengajaran yang akan diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Oleh itu, perancangan awal perlu dilakukan oleh para guru sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini penting bagi memastikan aktiviti yang dirancang berjalan dengan sempurna serta dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran dengan jayanya. Aktiviti yang dirancang perlu mengambil kira tahap kebolehan dan kecerdasan murid dengan menerapkan elemen teknik pengajaran yang telah dipilih. Oleh itu, guru perlulah kreatif dalam mengaplikasikan teknik pengajaran di dalam bilik darjah.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Melayu*, 41(1), 39-45.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Sufiza Ishak. (2016). Interaksi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 42-51.
- Azahari Bahari, Nazli Ali & Nawi Ismail. (2015). *160 contoh karangan SPM Bahasa Malaysia*. Selangor: Pelangi ePublishing Sdn. Bhd.
- Chung, L.L., Leng, C.H. & Peng, C.F., (2017). Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam penulisan karangan dari aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pembelajaran kolaboratif. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4 (1), 1-12.
- Indah Eyah Abu Samah. (2012). *Menilai Keberkesanan Teknik Sumbang Saran terhadap Pencapaian Kemahiran Menulis Karangan Murid Tingkatan Empat*. Tesis, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2010). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Penerbit Multimedia Sdn.Bhd.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Naapie Mat. (2006). *Teknik Mengajar KOMSAS Komponen Sastera*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Nor Azwa Shaid. (2016). Faktor-faktor mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Melayu*, 6 (2), 1-9.
- Norliza Abu Bakar. 2010. Pembelajaran koperatif Think Pair Share terhadap markah pencapaian karangan Bahasa Melayu pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Melayu*, 4 (2), 1-29.
- Nurshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus. (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43 (02), 101-110.
- Salina Misri. (2014). *Keberkesanan Kaedah Koperatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat*. Tesis, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia.
- Tan Y. H. (2007). *Kesediaan guru Pelatih UTM terhadap Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif dalam Proses PdP Matematik KBSM*. Tesis, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1), 19-29.
- Yusfaiza Yusuff & Mohd Ishah Awang. (2012). Aplikasi pembelajaran *Jigsaw II* dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 62-70.
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovatif P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zuraini Jusoh & Abdul Rasid Jamian. (2014). Kesan bercerita terhadap pencapaian penulisan karangan naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 11-18.